



Dalam satu jamuan selamat berpisah

TUAN GILBERT BERHARAP AKAN KEMBALI MEMBAHARUI PERSAHABATAN, TUAN J.O. Gilbert, bekas Yang Berhormat British Resident Brunei dalam satu jamuan selamat berpisah antara lain telah berkata yang ia-nya berharap semoga dapat kembali ka-Brunei pada masa hadapan dan di-masa itu dapat-lah ia membaharui tali persahabatan antara-nya dengan orang2 Brunei.

Uchapan beliau ini telah di-sampaikan-nya dalam satu jamuan memberi selamat belayar kepada beliau serta keluarga-nya dan anjoran dari pegawai2 Keraja'an Brunei yang telah berlangsung pada malam 9hbl July yang lalu bertempat di-Brunei Sport Club di-Bandar Brunei.

LAGI MENINGGAL DUNIA

Dengan sedeh di-beritakan bahawa Haji Gisah binte Ghafor telah meninggal dunia dalam perjalanannya balek dari Mekah ka-Brunei pada 13 hbl July yang baharulu ini.

Haji Gisah, dari Temburong, Brunei telah berumur 65 tahun.

Dengan ini maka jumlah jama'ah2 Haji yang telah meninggal sabelum dan sesudah mengerjakan Fardzu Haji sebanyak 7 orang: tiga orang wanita dan empat orang lelaki.

Bagi menjawab ucapan dari Yang Amat Mulia Pengeran Kerma Indera atas nama Pegawai2 Keraja'an, Tuan Gilbert sukachita menyampaikan ucapan terima kaseh-nya atas puji2an yang di-tujukan kepada-nya dan isteri-nya. Beliau menambah kata yang ia-nya sangat-lah berasa penoh dukachita meninggalkan Brunei dan sahabat2-nya, dan walau pun demikian harapan beliau akan dapat berchuti dan saterus-nya bersara di-tempat kediaman aslinya sendiri.

Beliau meneruskan ucapannya memberi selamat datang kepada Tuan White siapa yang akan menggantikan tempat-nya sebagai British Resident di-Brunei.

- 2 -  
KERANA BOHONG 4 BULAN PENJARA

Salleh bin Haji Masri telah di-jatuhkan hukuman penjara selama 4 bulan atas tuduhan membuat kenyata'an bohong di-hadapan hakim di-Mahkamah selepas mengangkat sumpah. Pembichara'an berlangsung pada 10hb1 July 1958 di-Mahkamah Tinggi Bandar Brunei di-hadapan Tuan Chief Justice Sir Ernest Williams, Crown Council Mr Peter Mooney bagi pihak Pendakwa Raya dan Salleh tidak di-wakili.

Salleh, dalam pembichara'an tahun lalu kerana melakukan gempar dalam jamuan di-Brunei hotel, mabok akibat minum arak, telah tidak mengaku meminum sebarang arak sejak undang2 Islam di-jalankan kuatkuasanya di-Brunei, tegas-nya sejak lima tahun yang lallu, di-hadapan hakim selepas mengangkat sumpah di-Mahkamah Tinggi Bandar Brunei.

× PASOKAN BOLA SEPAK MENANG

Pasokan Kesebelasan Bola Sepak Pejabat Kerjaraya bahagian Jalan Raya telah dapat mengalahkan Pasokan Bola Sepak Kesebelasan Melayu Labuan dalam satu perlawanan sahabat berlangsung di-Labuan baharu2 ini, dengan satu gol tidak berbalas.

Pasokan ini telah diketuai oleh Pengeran Metusin, manakala pemain2-nya ialah Che' Sanif (captain), Pengeran Othman, Edmund Keasberry, Pg Ahmad, Mahali, Adam, Ahmat Daud, Mohiddin, Halwi, Morni dan Abd Rahim.

Selepas berlawan pasokan2 itu telah di-beri satu jamuan makan malam.

Penapiian Salleh yang ia-nya sudah tidak lagi minum arak itu, tetapi ternyata dan terbukti yang kenyata'an-nya itu bohong, dan berchakap bohong di-hadapan hakim selepas mengangkat sumpah; pendakwa'an di-hadapkan oleh tuan Magistrate R.G.P.N. Combe yang dibawa oleh pihak police dengan persetujuan dari Pendakwa Raya.

Kerana membuat kenyata'an dusta setelah mengangkat sumpah di-hadapan hakim dalam Mahkamah, Salleh bin Haji Masri di-jatuhkan hukuman penjara selama 4 bulan berkerja berat.

-----

× ISTIADAT MENYAMPAIKAN PINGAT

Telah berlangsung istiadat menyematkan pingat2 kehormatan kepada dua orang yang terkemuka di-Brunei pada 12hb1. July, 1958, bertempat di-hadapan Pejabat2 Keraja'an di-Bandar Brunei dengan upacara meriah dan besar2an, Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei telah menyampaikannya.

Pingat Kehormatan C.M.G. telah di-kurniakan kepada Yang Berhormat British Resident J.O. Gilbert dan bintang Kehormatan M.B.E. telah di-kurniakan kepada Tuan Setia Usaha kepada Resident Inche' Taib bin Awang Besar.

Istiadat2 pemereksa'an Barisan kehormatan telah di-lakukan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei dan oleh Yang Teramat Mulia Pengeran Bendahara.

ANAK2 BRUNEI LULUS DI-AUSTRALIA

Dua orang anak Brunei, Mohammad bin Tudin dan Joseph Yong Ying Cheong yang dulunya telah berkerja di-Pejabat Perkapalan, Brunei telah mendapat kelulusan dalam kursus Complete Overhaul and Reconditioning and Service Adjustments dalam bahagian Diesel Engines dan Perkin Diesels (Overseas) Ltd. di-Dandenong, Melbourne, Australia dan telah di-kurniakan sijil kelulusan.

Kedua2 mereka ini telah berhenti dari Pejabat Perkapalan dengan maksud membolehkan mereka memenohi peluang bagi mengambil kerusus tersebut di-Australia atas pertolongan bekas Chief Roads Engineer, Brunei Mr G.J. Cliff yang pada masa ini dalam perchutian di-Australia.

Menurut satu surat yang telah di-terima dari Mr Cliff, Mohammad dan Joseph waktu melawat ka-Pantai Barat Australia mereka telah pergi ka-Perth di-mana mereka telah di-jumpai oleh Ak. Ideris bin Pengeran Kerma Indra yang sedang menuntut di-sana.

PEGAWAI2 PROTOCOL

Dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan mereka yang di-bawah ini telah di-lantek menjadi Pegawai2 Protocol kepada Sultan2 di-Tanah Melayu yang akan menghadziri di-Tamasha Peraya'an Brunei dalam bulan September ini:

Yang Amat Mulia Pengeran Muda Umar Ali, Yang Amat Mulia Pengeran Muda Haji Ismail, Yang Amat Mulia Pengeran Muda Kama-

Dengan lanjut Mr Cliff menyatakan bahawa kedua mereka ini sentiasa berada dalam sehat, tidak menjadi halangan keada'an chuacha di-sana walau pun ada sadih kit sejak terutama di-Victoria mereka memakai pakaian yang tebal dan berat.

Sering kali mereka telah di-bawa bersiar2 melehat2 tempat2 di-Australia dan ada juga di-jemput oleh beberapa rakan2 berkenal2an di-rumah masing2.

Mr Cliff menambah kata dalam surat-nya yang telah di-terima itu kedua mereka terpaksa pada setiap hari keluar sa jauh 30 batu ka-Dandenong.

lluddin, Yang Mulia Pengeran Abdul Rahman bin Pengeran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Tengku Mohammad, Yang Mulia Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong, Yang Berhormat Pengeran Mohammad Yusuf bin Pengeran : Haji Abdul Rahim, Yang Mulia Pengeran Hidup dan Yang Berhormat Che'gu Marsal bin Maun.

Peraya'an yang akan diadakan dalam bulan September akan datang ini ia-lah bertuut2 sambutan Hari Keputeraan Sultan, Pembuka'an resmi Mesjid Baharu Bandar Brunei dan Istiadat berkhatan Diraja bagi putera2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan.

- 4 -  
DUA BUAH KAPAL PERANG INDIA, TIR DAN CAUVERY MELAWAT KA-BRUNEI

Dua buah kapal perang India, I.N.S. TIR yang di-bawah jagaan Commander D.R. Mehta dan I.N.S. CAUVERY yang di-bawah jagaan Commander R.K.S. Ghandi akan datang melawat ka-Brunei pada 1 hbl. August akan datang ini.

PEGAWAI2 IMMIGRATION

Dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan, dalam Council, Resident Brunei telah melantek orang2 yang di-sebutkan di-bawah mulai dari 1 hbl July, 1958:

Sabagai Controller of Immigration Officer ia-lah Mr T. Mackie.

Sabagai Senior Immigration Officer:

Awang Mohamad Ja'afar bin Haji Mohd Daud, Mr J.W. H. Cardoza, Abdul Wahab, dan Mr Chua Kong Soo.

Sabagai Immigration Officer:

Inche' Saidin bin Taram, Pengeran Besar bin Pengeran Ahmad, Pengeran Wahab bin Pengeran Merali, Pengeran Kamaluddin bin Pengeran Rabaha, Inche' Mohammad Yussuf bin Dagong, Inche' Jamil bin Ahmad, Inche' Hasan bin Mohammad, Pengeran Dewa bin Pengeran Omar, Inche' Ahmad bin Ghani, Inche' Latif bin Abdul Rahman, Inche' Jali bin Salleh dan Inche' Daud bin Taha.

Pegawai2 yang telah dilantek di-atas bertugas di-Pejabat2 Immigration di-Bandar Brunei dan Belait.

Kedua buah kapal perang itu akan tiba di-laut Ujong Sapo, Muara, Brunei pada pukul 8.00 pagi 1 hbl itu dan akan berlaboh di-sana memberi peluang bagi orang ramai melawati-nya hingga 4hbl August, 1958.

Dalam masa lawatan kedua kapal perang ini pada tiap2 buah akan mengadakan jamuan2; I.N.S. TIR akan mengadakan jamuan Cocktail dan I.N.S. CAUVERY jamuan makan malam.

Orang ramai akan di-beri peluang melawat kapal2 ini dan masanya akan di-beri tahukan kemudian

Perlawanan berbagai2 permainan sachara bersahabat akan juga diadakan di-antara pasokan2 tempatan dengan pasokan2 kapal perang India ini.

Kedua kapal2 perang India ini, TIR dengan panjang-nya 301 kaki dan CAUVERY 299 $\frac{1}{2}$  kaki membawa sa-banyak 495 orang pegawai2 dan lain-nya akan bertolak dari Brunei ka-Pelabuhan Victoria, Labuan pada awal 4hbl August, 1958.

-----  
Pegawai Public Relations Mr G.H. Linton dari Brunei Shell Petroleum Company Limited telah memberikan sharahan-nya yang khas kepada Penuntut2 tinggi di-Maktab Sultan Omar Ali, Brunei pada petang 8 hbl July yang lalu. Salepas itu pertunjukkan gambar mengenai perindustrian minyak, juga bertempat di-tempat yang sama.

PENYIMPAN WANG B.S.P. DI-KENAKAN 2 TAHUN PENJARA KERANA PECHAH AMANAH, KERANA HUTANG -

Penjara selama dua tahun kerana dua tuduhan telah di-jatuhkan oleh Tuan Justice Sir Earnest Williams, di-Mahkamah Tinggi, Kuala Belait pada pagi 11hbl July, 1958. ka-atas diri Cyril John Ferroa, sa-orang penyimpan wang berkerja di-Pejabat Sharikat Minyak Brunei di-Seria, ia-nya mengatakan telah mulai mengambil beberapa ringgit dan sasudah itu lagi dengan jumlah yang banyak kerana membayar hutang-nya kepada peminjam wang, belanja berubat dan lain-nya.

Ferroa, beristeri dan mengikut kata-nya isteri-nya telah melahirkan sa-orang anak mereka yang ke-6 pada 10hbl, ia-itu sa-hari sebelum ia di-hadapkan ka-hadapan mahkamah, telah mengaku salah atas dua tuduhan.

-----"-----

LAWATAN RESMI KA-ULU BELAIT

Tuan Penolong Resident, di-Belait dan Yang Berhormat Tuan Pegawai Daerah Pengeran Abu Bakar akan melangsungkan satu lawatan resmi mereka ka-Ulu Belait besok.

Dalam lawatan ka-Ulu Belait itu beliau kedua ini akan melawat ka-beberapa tempat saperti berikut:

Besok beliau akan melawat ka-Buau, lusa ka-Malilas dan pada 18 hbl July kedua beliau ini akan melawat ka-Sungai Samawa atau Biadong.

Beliau2 ini di-jangkan a k a n balek pada 19hbl July, 1958.

Sahingga ka-hari pembichara'an, Ferroa telah sudah menggunakan wang dalam simpanan Company. itu berjumlah \$14,600., pada mula baharu beberapa ringgit wang itu terpakai-nya ia telah menchuba hendak mengganti, dan sasudah itu ia dapati payah hendak berbuat demikian malahan makin banyak pula lagi ia berkehendakkan wang tatkala waktu orang tua-nya datang tinggal bersama-nya dan jatuh sakit, kemudian satelah berubat menerima bill belanja berubat bagi orang tua-nya itu sabanyak \$1,000.

Kegentingan-nya ini samakin sa-hari samakin bertambah dan dan-terdorong menyebabkan ia pechah amanah.

Hukoman yang telah di-jatuhkan ka-atas-nya itu tidak berat mengikut hakim, Ferroa telah banyak memberi pertolongan pehak police dalam menjalankan penyiasatan, penerangan dari-nya dinyatakan langsung.

Ferroa telah di-jatuhkan hukoman penjara sa-lama dua tahun, dan sebelum itu menyeru hakim bagi memberikan kapada-nya ikhsan kasehan atas perbuatan yang mengutok diri-nya itu.

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Australia di-Singapura, Mr D.W. McNicol, akan melangsungkan satu lawatan-nya ka-Brunei dari 26hbl Hari Sabtu hingga 29hbl July Hari Khamis akan datang ini.

Beliau, akan tiba ka-Belait dari Miri dengan memakai jalan darat dan akan di-temui oleh Tuan Penolong Resident di-Kuala Belait Mr T.M. Ainsworth di-Baram.

Mr McNicol akan tinggal di-Kuala Belait pada malam ketiba'an-nya dari Baram dan akan pergi ka-Brunei dengan jalan darat juga ke-esokan hari-nya.

Dalam masa lawatan di-Kuala Belait, Tuan Yang Terutama itu akan berpeluang menjumpai orang2 Australia yang berkhidmat di-Syarikat Minyak Brunei di-daerah Belait/Seria.

Waktu di-Brunei nanti, akan berpeluang dapat mengadap Baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan di-Istana Darul-Hana pada 28hbl pagi dan bertolak balek ka-Singapura dengan kapal terbang pada 29hbl July, ini.

#### BUNTING TIDAK BERSUAMI DI-HUKUM

Kalau sa-orang wanita di-dapati bunting tetapi dengan tidak mempunyai suami, maka nyata-lah yang ia-nya telah melakukan satu kesalahan besar, berzina dengan orang lain, dan ini amat-lah menyalahi hukuman shara', tegas-nya melanggar undang2 Islam. Satiap melanggar undang2 hukuman penjara atau denda atau kedua-nya akan di-jatuhkan ka-atas orang yang melakukan kesalahan itu.

Kesalahan demikian telah di-lakukan oleh sa-orang wanita dari

#### PERTANDINGAN BACHA'AN QORAN

Pertandingan membacha Qoran, antara sambutan awal tahun Hijrah 1378 akan mulai berlangsung di-Mesjid Pekan Brunei pada 19hbl. July akan datang ini. Pertandingan ini ia-lah bagi merebut gelaran JOHAN daerah Brunei.

Ini, ada-lah anjoran Persatuan Kesatuan Islam Brunei.

Maka dengan ini orang2 yang telah mendaftarkan nama mereka kerana memasuki pertandingan tersebut adalah di-maklumkan supaya datang hadir ka-Mesjid Pekan Brunei tidak lewat dari jam 8.00 pagi pada 19hbl July akan datang ini.

Samantara itu, Persatuan Kesatuan Islam sukachita mengumumkan sesiapa Kgom Muslimin yang ingin menghulorkan tangan memberi hadiah2 untok pertandingan ini ada-lah di-puhunkan dan hadiah2 itu boleh-lah di-hantar ka-alamat Setia Usaha, Pertandingan Bacha'an Al-Qoran, Daerah Brunei alamatkan ka-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal-ul Alam, Brunei.

Hadiah2 tersebut hendaklah datang kepada Setia Usaha salewat-nya pada 19 hbl July ini.

- sambongan dari muka 6 -

Daerah Tutong, apakala di-  
hadapkan ka-Mahkamah Shara-  
'iah di-Bandar Brunei, pem-  
bichara'an telah di-hakimkan  
oleh Yang Berhormat Mulia  
Tuan Kadzi Besar Negeri Pe-  
ngeran Haji Mohammad Salleh.

Wanita itu ia-lah Tiah  
binte Aman, satelah di-bich-  
arakan di-dapati salah dan  
dari itu di-jatohkan hukuman  
2 bulan penjara atau denda  
sabanyak \$100. Tiah di-dapa-  
ti mengandong selama 6 bulan,  
pembichara'an berlangsung  
kelamarin.

Tiah telah mengeluarkan  
denda sabanyak \$100 dan dari  
itu tidak di-kenakan hukuman  
penjara.

Dalam memberi pencerangan  
di-hadapan hakim, Tiah te-  
lah mengatakan bahawa anak  
yang di-kandung-nya itu ada-  
lah kepunya'an Samah bin Ar-  
sad, juga dari tempat itu.

Samah telah menolak tудо-  
han Tiah mengatakan ia telah  
sudah bercherai meninggalkan  
Tiah. (kerana Tiah bekas is-  
teri-nya) sejak dua tahun  
dahulu. Samah menerangkan  
selanjut-nya bahawa dengan  
penapian-nya ini ia sanggup  
mengangkat sumpah di-Mesjid,  
anak itu memang bukan anak-  
nya.

Dengan lanjut Samah mone-  
rangkan kepada Tuan Kadzi  
bahawa anak yang sedang di-  
kandung Tiah itu sebenar-nya  
anak kepada bapa Si-Tiah

MANGKAT SALEPAS MAIN TENIS

Sultan kawatkan takziah

Dengan penoh kesedehan,  
Bahawa DYMM Sultan Kedah Tun-  
ku Sir Badlishah Ibni Al-Mar-  
hum Sultan Abdul Hamid Halim  
Shah K.C.M.G., K.B.E. telah  
mangkat pada 13hbl July yang  
lalu ini. Demikian mengikut  
satu kawat yang telah di-  
terima oleh DYMM Sultan Bru-  
nei kelamarin.

Baginda itu telah berumur  
64. tahun dan telah mangkat  
di-Alor Star - Ibu Kota Nege-  
ri Kedah. Mengikut penerangan  
lanjut kita di-fahamkan baha-  
baginda itu telah bermain te-  
nis dan salepas itu terjatoh  
dari kerusi lalu di-kejarkan  
ka-rumah sakit dengan kereta  
baginda sendiri.

Berhubung dengan kemangka-  
tan ini Baginda Sultan Brunei  
telah mengirim satu kawat  
takziah.

- lihat muka 8 -

itu sendiri, bapa-nya telah me-  
lakukan sombang ka-atas anak-  
nya sendiri. Demikian Samah te-  
lah mengemukakan tudohan-nya.

Samasa menjatohkan hukuman,  
Tuan Kadzi Besar itu telah mem-  
beri perintah kepada si-perem-  
puan yang bunting itu ka-  
rumah sakit untok berpereksa.

Tiah telah di-jatohkan hu-  
kuman penjara selama 2 bulan  
atau denda sabanyak \$100. Huku-  
man denda telah di-bayar oleh  
Tiah dan dari-itu tidak di-  
penjara.

× SULTAN BRUNEI DAN KERAJA'AN BAGINDA TUMPANG BERDUKACHITA

Atas satu kawat yang telah di-terima oleh Baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei mengenai kemangkatan Sultan Kedah pada 13hbl July yang lalu ini, baginda telah mengutus sa-pue chok kawat takziah kepada Yang Berhormat Menteri Besar Kedah untok di-sampaikan kepada sekalian kerabat marhum itu, kawat itu berbunyi demikian:

BETA SANGAT DUKACHITA DAN SEDEH MENDENGARKAN  
KEMANGKATAN SERI PADUKA DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN BADLISHAH

SILA SAMPAIKAN UCHAPAN TAKZIAH BETA DAN KERA-  
JA'AN BETA KAPADA SEKALIAN KERABAT BAGINDA

SILA BERI TAHU APA HARI-NYA JENAZAH BAGINDA  
ITU DI-MAKAMKAN - OMAR ALI SAIFUDDIN

Berhubong dengan kemangkatan Baginda Tunku Sir Badlishah ini, di-Brunei bendera akan di-turunkan satengah tiang pada hari jenazah itu di-makamkan.

Untok makluman orang ramai bahawa pejabat2 Keraja'an akan di-tutup pada Hari Sabtu 19hbl July akan datang ini sabagai mengganti Hari Juma'at tutup kerana sambutan awal tahun Hijrah (Moharram) 1378.

Dengan itu Pejabat Pos akan hanya dapat melayani pada waktu2 yang berikut:

Waktu di-tutup

8.15 pagi

Waktu berkerja

7.30 pagi

hingga

8.15 pagi

dan 10.00 pagi

hingga

12.00 tengahari

PEMENANG DERMASISWA MINYAK MELAWAT PADANG MINYAK DI-SERIA

Di-antara hari ini dengan lusa 17hbl July, pemenang2 dermasiswa Sharikat Minyak dari Brunei akan melangsungkan satu lawatan mereka ka-Padang Minyak di-Seria.

Mereka itu berbilang sebanyak 26 orang, harus di-temani oleh sa-orang guru penjaga-nya. Mr R.P. Reid akan memberi layanan kepada penuntut2 tersebut.